



Rujukan Kami : GABEM-SG/14/9/5-4 (6)
Tarikh : 7 Oktober 2011

(Senarai edaran seperti dilampirkan)

Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan,

**MEMOHON MENDAPATKAN SENARAI SYARIKAT BERWIBAWA UNTUK
MENYERTAI PROGRAM PKS BUMIPUTERA BERPRESTASI TINGGI
(TeraS)**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman Y.Bhg Dato'/tuan/puan, TERAJU telah memperkenalkan program PKS Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS) yang bertujuan untuk membangunkan generasi usahawan Bumiputera bertaraf dunia di dalam 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Kriteria pemilihan yang perlu dipenuhi oleh PKS bagi menyertai program ini adalah seperti berikut:

- i. Mendapat sekurang-kurangnya penarafan 3 bintang bagi SCORE daripada SME Corp;
- ii. Organisasi yang memohon bukan anak syarikat kepada GLC/ MNC (syarikat bersekutu dibenarkan);
- iii. Jumlah pegangan ekuiti Bumiputera 60% ke atas;
- iv. Ketua Eksekutif / Pengarah Urusan Bumiputera;
- v. Majoriti Pihak Pengurusan Tertinggi Bumiputera;
- vi. 3 tahun rekod prestasi kewangan dengan membuat keuntungan;
- vii. Bidang perniagaan utama terdiri daripada salah satu bidang NKEA dan bidang-bidang lain.

3. Sukacita dimaklumkan bahawa GABEM telah mendapat persetujuan TERAJU bagi menganggotai jawatankuasa pemilihan syarikat-syarikat berkelayakan di bawah program TeraS. Sehubungan dengan itu Y.Bhg Dato'/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan senarai ahli-ahli atau syarikat di bawah persatuan yang layak untuk menyertai program TeraS ini **selewat-lewatnya 17 Oktober 2011 (Isnin)** melalui fax **03-2161 0606**. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini bolehlah menghubungi **Puan Shariza di talian 03-2161 6060**.

4. Segala kerjasama Y.Bhg Dato'/tuan/puan dalam hal ini amatlah dihargai dan diadului dengan jutaan terima kasih.

'dian.

; benar,

ASAN BADAN EKONOMI MELAYU

RAMLAN OTHMAN

'egawai Eksekutif